


**Title** : Proses Pembinaan Negara: Perbandingan antara Malaysia dan Indonesia

**Author(s)** : (1) Amir Akmal Bin Jamaluddin, (2) Arief Ferdaus Bin Azmi, (3) Shahfiqah Binti Ahmad, (4) Farisya Afreena Bt Fairus Azmiha, (5) Amira Syahirah Binti Abdul Salis

**Institution** : Universiti Sains Malaysia

**Category** : Article, Competition

**Topic** : Politics



## **Proses Pembinaan Negara: Perbandingan antara Malaysia dan Indonesia**

Ditulis oleh:

1. Amir Akmal Bin Jamaluddin, Universiti Sains Malaysia
2. Arief Ferdaus Bin Azmi, Universiti Sains Malaysia
3. Shahfiqah Binti Ahmad, Universiti Sains Malaysia
4. Farisyah Afreena Bt Fairus Azmiha, Universiti Sains Malaysia
5. Amira Syahirah Binti Abdul Salis, Universiti Sains Malaysia

## 1. Pendahuluan

Dalam sejarah, kita semua dapat saksikan bagaimana negara-negara yang pada hari ini kita anggap berdaulat memiliki sejarah yang tersendiri dalam proses pembinaan negaranya. Dalam konsep "negara-bangsa" moden, meskipun dua buah negara itu hanya bersebelahan dan kongsi sejarah, budaya, malah bahasa yang hampir mirip dan serumpun, konsep negara-bangsa ini mampu memisahkan dua negara tersebut menjadi dua entiti yang berasingan dan memiliki sejarah moden yang berbeza secara drastik.

Senario yang dilemparkan di atas merupakan pernyataan hakikat yang dapat dilihat di Malaysia dan Indonesia. Pada hari ini, kedua-dua negara tersebut berkongsi budaya dan bahasa yang hampir mirip namun, memiliki sejarah moden yang sangat berbeza dan struktur serta keadaan dalaman negara yang ibarat langit dan bumi. Jika diamati, kita boleh melihat keadaan negara-bangsa Malaysia ini lebih stabil berbanding di Indonesia yang lantas menimbulkan persoalan, bagaimanakah keadaan ini terjadi?

Di dalam kertas ini, kumpulan kami akan melakukan perbandingan Malaysia dan Indonesia dari segi proses pembinaan negara. "Proses pembinaan negara" dalam kertas ini akan melihat kepada tiga aspek yang relevan iaitu **pembentukan perlembagaan negara, pengakuan pada kemerdekaan dan usaha perluasan wilayah moden**. Kertas ini akan memaparkan setiap bahagian dengan dua perenggan yang menceritakan tentang pengalaman Malaysia dan Indonesia secara asas dalam tiga aspek tersebut seterusnya perbandingan dan kesan yang boleh dilihat sehingga hari ini. Kami juga akan melampirkan satu senario alternatif untuk Malaysia seandainya takdir Malaysia untuk melalui apa yang dilalui oleh Indonesia dalam tiga aspek berkenaan.

Kami juga sediakan satu bahagian yang menceritakan latar belakang kepada **rantau Malaysia dan Indonesia sebelum penjajahan**. Kami memuatkan bahagian ini kerana kami percaya ia maklumat yang penting untuk memahami hakikat mengapa Malaysia dan Indonesia, dua negara yang serumpun, boleh memiliki garis sempadan moden yang berbeza dan memisahkan.

Pendirian sentral kami dalam kertas ini adalah kami berhujah bahawa **proses pembinaan negara Malaysia itu lebih bagus berbanding proses pembinaan negara Indonesia** dan rasional kumpulan kami untuk menyatakan sedemikian adalah melihat kepada bagaimana sesuatu aspek proses pembinaan negara itu dilakukan, situasi sekeliling yang mempengaruhi keadaan proses pembinaan negara dan juga hasil yang boleh dilihat sehingga sekarang daripada proses pembinaan negara yang dilalui.

## 2. Latar Belakang: Rantau Malaysia dan Indonesia sebelum penjajahan

Bagi memulakan perbincangan tentang negara Malaysia dan Indonesia ini, kami berpendapat terdapat kewajaran untuk menceritakan secara ringkas keadaan sosiopolitik rantau Nusantara ini yang amat berbeza dengan realiti hari ini. Pada hari ini, kita dapat melihat sebuah negara Malaysia dan sebuah negara Indonesia yang merupakan dua buah negara yang berasingan, berdaulat dan memiliki garisan sempadan wilayah yang tetap dan dihormati. Namun begitu, keadaan sebegini amat asing dan berbeza di wilayah-wilayah yang sama pada abad ke-15. Bahagian ini akan menerangkan perihal tersebut secara ringkas.

Sebelum kedatangan pihak Eropah, terdapat dua buah kerajaan besar iaitu Kesultanan Melayu Melaka di Semenanjung Tanah Melayu dan Kerajaan Majapahit di Sumatera. Kerajaan Melayu yang sangat terkenal dan termasyhur di Asia Tenggara dikenali sebagai Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan ini telah diasaskan oleh Putera Srivijaya yang berasal dari Palembang iaitu Parameswara. Pemerintahan ini berterusan selama lebih satu abad sehinggalah mereka jatuh ke tangan pihak penjajah. Kerajaan besar yang kedua merupakan kerajaan yang telah menguasai Nusantara dan dianggap sebagai kerajaan terbesar dalam sejarah Indonesia iaitu Kerajaan Majapahit. Kerajaan ini pula telah diasaskan oleh Raden Wijaya yang bertakhta pada tahun 1293-1309.

Perkara yang menarik bagi kerajaan-kerajaan silam ini adalah berkaitan dengan keluasan wilayah yang dicakupi. Istilah sempadan telah membawa makna batas atau had yang menjadi perenggan pemisah antara satu kawasan dengan kawasan yang lain (Hamzah, 2001). Namun, kedua-dua kerajaan besar ini **ternyata tidak mempunyai sempadan yang tetap bahkan wilayah kerajaan hanya bergantung kepada kesetiaan penduduk** (Adam et al, 2010). Ada pihak yang mengatakan bahawa, orang Melayu sekian lama mempunyai definisi mereka yang tersendiri mengenai persempadanan di kawasan negeri mereka walaupun tidak mempunyai hitam-putih perjanjian yang jelas seperti di zaman British, tetapi orang Melayu telah menggunakan istilah 'negeri' atau 'berbuat negeri' yang membawa makna satu ruang wilayah atau sempadan kekuasaan pemerintahan Melayu (Faizal, 2019). Sehubungan dengan itu, jelaslah konsep garis sempadan tetap itu konsep yang asing di rantau ini.

Namun begitu, konsep wilayah yang fleksibel ini akhirnya dihapuskan secara institusi menerusi setelah berlakunya penjajahan pihak Eropah di rantau Nusantara ini. Pihak British mula menjajah rantau Tanah Melayu dengan Pulau Pinang menjadi tempat pertama dikuasai oleh British pada 1786 (Lopez C., 2001) sementara Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) muncul sebagai kuasa ekonomi dan politik baharu di Pulau Jawa pada abad ke-18 (Indonesia Investments). Kemuncak kepada usaha penjajahan ini adalah melalui **Perjanjian Inggeris-**

**Belanda 1824** yang juga dikenali sebagai Perjanjian London 1824. Termeterainya perjanjian tersebut merupakan tanda dan peristiwa yang paling penting dalam sejarah Tanah Melayu dan juga Indonesia (Fahmi, 2013) kerana perjanjian tersebut telah menyebabkan sempadan wilayah bagi Tanah Melayu dan Sumatera ditetapkan dan dipisahkan. Perjanjian ini merupakan titik permulaan dan asbab mengapa kedua negara yang serumpun ini dipisahkan sempadannya.

Dengan mengetahui sejarah kepada munculnya dua entiti yang serumpun tetapi berbeza ini, amat menarik untuk bincangkan apa akan jadi **sekiranya penjajahan di Nusantara dan Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 tidak pernah berlaku**. Untuk membayangkan situasi tersebut, kita perlu andaikan seolah-olah pihak penjajah Barat tidak pernah kuasai Nusantara. Jika perkara ini berlaku, barangkali besar kita dapat saksikan konsep wilayah yang fleksibel dan tidak tetap ini terus digunakan sehingga habis Perang Dunia Kedua. Hal ini kerana, selepas Perang Dunia Pertama, muncul idea "negara-bangsa" yang digariskan oleh doktrin "Empat Belas Pasal" oleh Woodrow Wilson yang menegaskan konsep "hak menentukan nasib sendiri" (Britannica, 2019). Selepas Perang Dunia Kedua, mungkin kita akan melihat wilayah Nusantara ini bergabung menjadi satu negara bangsa yang baharu dan tersendiri. Hal ini demikian kerana konsep pecah-dan-perintah oleh penjajah tidak pernah diperkenalkan di wilayah Nusantara dan ini akan menjadikan konsep "bangsa Nusantara" itu menjadi konsep yang inklusif dan merangkumi orang Melayu dan pribumi lain seperti Dayak dan Iban. Dakwaan ini juga dikukuhkan dengan kewujudan pemimpin-pemimpin moden dalam sejarah sebenar yang dilaporkan mengimpikan persaudaraan Nusantara yang luas seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di mana beliau beranggapan "Bahawasanya tidaklah dapat disangkal oleh dunia akan perhubungan antarabangsa Melayu dengan bangsa Indonesia yang mana pada satu masa kita dikenali sebagai satu bangsa yang mendiami Gugusan Pulau-pulau Melayu. Sungguhpun kita bercerai di satu babak tapi bersatu yang lain iaitu babak kebudayaan." (Hj Ab Ghani & Paidi, 2020). Maka, negara Nusantara ini akan muncul dan menjadi negara multikultural yang dianggotai ramai raja dan kesultanan.

Secara rangkumannya, kami menceritakan perpisahan antara apa yang dipanggil "Malaysia" dan "Indonesia" ini adalah hasil daripada penjajahan Eropah yang menegaskan perbezaan suku dan kaum, seterusnya memisahkan entiti Tanah Melayu dan Sumatera secara institusi menerusi Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

### **3. Pembentukan Perlembagaan Negara**

Sebuah negara moden yang berdaulat pasti akan memiliki undang-undangnya yang tersendiri dan digunakan dalam batas sempadan wilayah sempadannya selari dengan konsep hak menentukan nasib sendiri dalam hubungan antarabangsa. Satu konsep perundangan yang lazim wujud dalam negara ialah sebuah dokumen yang menerangkan undang-undang tertinggi dan dokumen ini lazimnya dipanggil sebuah perlembagaan. Dalam proses membentuk negara seiring dengan dasar dekolonialisasi, para pemimpin awal negara tersebut akan berusaha untuk merangka sebuah perlembagaan untuk negara yang bakal merdeka itu. Malaysia dan Indonesia juga memiliki laluan yang tersendiri dalam usaha mencipta perlembagaan mereka. Bahagian ini akan membahaskan dua perbezaan utama dalam proses pembentukan perlembagaan negara yang dilalui oleh Malaysia apabila dibandingkan dengan Indonesia serta implikasinya yang signifikan sehingga hari ini.

Di Malaysia, perlembagaan negara dipanggil "Perlembagaan Persekutuan" dan ia merupakan undang-undang tertinggi di negara ini. Sejarah penghasilan perlembagaan ini bermula apabila wakil-wakil Tanah Melayu yang merangkumi Raja-raja Melayu dan ahli-ahli politik Perikatan datang ke London dan bertemu dengan wakil-wakil Suruhanjaya Reid. Suruhanjaya Reid ini dinamakan sempena Lord Reid yang merupakan Ketua Hakim penting di United Kingdom dan suruhanjaya ini merangkumi lima anggota yang merupakan pakar-pakar undang-undang dari wilayah Komanwel lain termasuk Lord Reid dan Sir Ivor Jennings dari United Kingdom, Sir William McKell dari Australia, Hakim B. Malik dari India dan Hakim Halim bin Abdul Hamid dari Pakistan. Tugas utama Suruhanjaya Reid adalah untuk mendengar saranan dan cadangan daripada semua pihak yang berkepentingan dan merangka sebuah draf untuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang bakal merdeka. Proses ini melibatkan 118 perjumpaan dan 131 memorandum telah dihantar oleh pihak-pihak di Tanah Melayu kepada suruhanjaya tersebut (Suruhanjaya Reid, 1957). Apabila draf tersebut dihantar kepada para pemimpin Tanah Melayu, pemimpin-pemimpin tersebut lakukan kajian terperinci terhadap draf yang disediakan itu dan hasil kajian itu kemudiannya dihantar menjadi Kertas Putih yang bakal menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Aziz Bari, 2016). Pada 31 Ogos 1957, tarikh Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan, perlembagaan baharu tersebut telah digunakan. Selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 yang memasukkan Sabah, Sarawak dan Singapura dalam Malaysia, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengalami beberapa pindaan agar ia selari dengan

Perjanjian Malaysia 1963 lantas, membentuk Perlembagaan Persekutuan yang digunakan sehingga hari ini.

Di Indonesia pula, perlembagaan yang digunakan hari ini dipanggil "Undang-undang Dasar 1945" atau UUD-1945. Usaha merangka perlembagaan Indonesia ini dimulakan oleh sebuah suruhanjaya yang dikenali sebagai "Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia" (BPUPKI) yang merupakan sebuah badan yang ditubuhkan oleh pihak Jepun di Indonesia agar Indonesia dapat merangka dasar-dasar negara Indonesia dan menjadi mesra Jepun (Welianto, 2020). Perbincangan untuk merangka undang-undang dasar bermula pada sidang kedua BPUPKI yang bermula pada 10 Julai 1945 hingga 16 Julai 1945. Terdapat 13 tokoh yang terlibat dalam sidang kedua BPUPKI ini iaitu Ir. Sukarno, Mohamad Yamin, Mr. Soepomo, K.R.T. Wongsonegoro, R. Soekardjo, A.A. Maramis, Panji Singgih, Haji Agus Salim, Soekiman Wirjosandjojo. Hoessein Djajadiningrat, Mohammad Hatta, Achmad Soebardjo dan Radjiman Wediodiningrat (Prinada, 2021). Proses merangka undang-undang dasar ini berlangsung dengan sangat singkat dan dalam suasana revolusioner hingga dianggap "UUD Kilat" (Saifudin, 2003). Pada 17 Julai 1945, BPUPKI secara rasmi dibubarkan kerana berjaya mencapai kata sepakat untuk sebuah rancang undang-undang dan pemerintah Jepun menubuhkan Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) untuk melanjutkan tugas BPUPKI. Selepas peristiwa pengeboman di Nagasaki dan Hiroshima, Jepun secara rasmi menyerah kalah kepada Kuasa Bersekutu dan hal ini menyebabkan Sukarno didesak untuk mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia dengan segera. Akhirnya, pada 17 Ogos 1945, Presiden Sukarno memproklamasikan kemerdekaan Indonesia dan PPKI bersetuju untuk menggunakan UUD-1945 pada 18 Ogos 1945. Namun begitu, kerana perang-perang revolusi dengan pihak Belanda, UUD-1945 tidak dapat digunakan secara efektif (Awlia, 2020). Selepas peristiwa Konferensi Meja Bundar (KMB) pada 27 Disember 1949, Republik Indonesia Serikat secara rasmi dibentuk dan Belanda memperakui kemerdekaan Indonesia akhirnya. Republik Indonesia Serikat ini menggunakan sebuah perlembagaan baharu yang dipanggil Konstitusi RIS 1949 (Gischa, 2020) yang lebih memuatkan beberapa unsur liberal dan hak asasi manusia. Namun begitu, Republik Indonesia Serikat tidak bertahan lama dan sebuah Piagam Persetujuan dihasilkan antara pemimpin Republik Indonesia dengan Republik Indonesia Serikat pada 19 Mei 1950 (Putri, 2020). Perkara ini membawa kepada pembubaran Republik Indonesia Serikat dan kembalinya Negara Kesatuan Republik Indonesia pada 17 Ogos 1950 dan sebuah perlembagaan baharu diperkenalkan. Perlembagaan baharu tersebut bersifat sementara sahaja dan dikenali sebagai "Undang-undang Dasar Sementara 1950" (UU DS-1950). UU DS-1950 ini menggabungkan beberapa nilai liberal oleh Konstitusi RIS 1949 dengan UUD-1945.

Malangnya, UUDS-1950 ini juga gagal beroperasi dengan baik sebagai perlembagaan kerana sifatnya yang sementara dan tidak memiliki kekuatan undang-undang untuk memelihara perpaduan (Putri, 2020). Akhirnya, menerusi Dekrit Presiden pada 5 Julai 1959, Indonesia kembali menggunakan UUD-1945 yang sebelum ini dan UUD-1945 inilah yang digunakan sehingga hari ini.

Selepas mengetahui sejarah panjang proses pembentukan perlembagaan bagi kedua-dua negara ini dan lakukan perbandingan secara berilmiah, terdapat pelbagai aspek perbezaan yang boleh dibincangkan. Mula-mula sekali, satu ciri perbezaan yang cukup signifikan adalah dari segi **komposisi anggota yang terlibat dalam usaha merangka perlembagaan**. Suruhanjaya Reid di Malaysia dan BPUPKI di Indonesia menonjolkan perbezaan ini dengan jelas. Suruhanjaya Reid merangkumi pakar-pakar perundangan dari negara-negara Komanwel manakala BPUPKI merangkumi wakil-wakil tempatan. Kesannya, kita dapat lihat **perbezaan dari segi nilai-nilai yang dicerminkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan UUD-1945**. Perlembagaan Persekutuan Malaysia dilihat mempunyai sentuhan liberal Inggeris yang menggariskan komponen hak asasi manusia, kebebasan individu dan demokrasi berparlimen sementara UUD-1945 lebih menegaskan nilai-nilai kesatuan dan kolektivisme. Malah, terdapat juga kajian seperti oleh Drooglever (1997) yang menunjukkan bahawa Soepomo, salah seorang anggota BPUPKI untuk rancang undang-undang dasar, menolak idea liberalisme dan individualisme Barat kerana menganggap ia tidak selari dengan masyarakat Indonesia dan lebih cenderung dengan idea "Führer-Prinzip" Jerman dan Shintoisme Jepun yang kolektivistik di samping menegaskan konsep negara sebagai sebuah keluarga besar. Oleh kerana itu, kita boleh lihat di sini bagaimana wujudnya pertentangan idea asas antara Perlembagaan Persekutuan dengan UUD-1945 kerana latar belakang para penggubalnya.

Selain itu, sebuah lagi ciri perbezaan yang signifikan adalah **tempoh masa yang diambil serta keteraturan dalam merangka undang-undang tertinggi tersebut**. Telah dijelaskan sebelum ini bahawa Suruhanjaya Reid sudah mengadakan 118 perjumpaan dan menerima 131 memorandum untuk draf perlembagaan yang kemudiannya dikaji lagi oleh pemimpin-pemimpin di Tanah Melayu sementara UUD-1945 dirangka dalam keadaan tergesa-gesa dalam suasana revolusi. Daripada situasi ini, kita dapat melihat bahawa proses penyusunan Perlembagaan Persekutuan Malaysia itu lebih teratur berbanding UUD-1945 Indonesia. Implikasi yang boleh dilihat adalah **bagaimana perlembagaan-perlembagaan tersebut dapat bertahan dalam edaran masa dan berapa kerap ia perlu dipinda**. Bagi Perlembagaan Persekutuan Malaysia, dokumen undang-undang tersebut cukup lengkap dan merangkumi isu-isu penting seperti konfigurasi negara sebagai sebuah negara Raja



Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen secara terperinci. Bagi UUD-1945 pula, undang-undang dasar tersebut boleh dilihat terlalu simplistik sehingga Presiden Sukarno mengembalikannya dalam periode "Demokrasi Terpimpin" beliau kerana beliau memerlukan UUD-1945 yang lebih mudah. Dari tempoh Orde Baru bawah Presiden Suharto sehingga era Reformasi bermula dari Presiden B.J. Habibie, UUD-1945 terus mengalami modifikasi menerusi Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) agar ia terus relevan dalam isu-isu fundamental seperti pada tahun 2016 apabila Zulkifli Hasan, Pengerusi MPR waktu itu dilaporkan melakukan perbincangan untuk rancangan pindaan UUD-1945 agar menyentuh soal "pembinaan karakter nasional, kesedaran nasional, cinta akan negara, dan keharmonian persaudaraan" (Johnson, 2016). Dari tahun 1999 hingga 2002 sahaja, MPR telah meminda UUD-1945 sebanyak empat kali (Cammack, 2006) dan ini jelas menggambarkan keperluan UUD-1945 untuk terus dimodifikasi hingga alaf moden.

Ini lantas menimbulkan satu persoalan iaitu **apakah yang mungkin terjadi jika Perlembagaan Persekutuan Malaysia dirangka seperti UUD-1945 Indonesia yang hanya melibatkan wakil-wakil tempatan dan dalam masa yang singkat?** Untuk membayangkan situasi ini dalam konteks sejarah Malaysia, kita harus bayangkan seolah-olah pihak British membiarkan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu menubuhkan suruhanjaya sendiri untuk merangka sebuah perlembagaan dan pemimpin-pemimpin tersebut perlu melakukannya dengan segera kerana bimbang Jepun akan jajah Tanah Melayu. Jika situasi tersebut terjadi, terdapat kebarangkalian bahawa Tunku Abdul Rahman akan mengetuai suruhanjaya tersebut kerana beliau seorang graduan undang-undang dari Universiti Cambridge dan mesra British. Namun, kerana suruhanjaya tersebut bersifat tempatan, terdapat kebarangkalian wakil-wakil dari komuniti bukan Melayu dan pejuang aliran kiri seperti Chin Peng dan Dr. Burhanuddin al-Helmy akan dilibatkan dalam suruhanjaya ini kerana jika tidak, perlembagaan yang dihasilkan mungkin tidak akan berjaya. Kerana suasana yang genting dan ingin merdekakan Tanah Melayu segera agar tidak didatangi Jepun, perlembagaan tersebut barangkali akan jadi pendek dan bersifat sederhana kerana keterlibatan kelompok kanan dan kiri dengan penekanan yang lebih soal hak-hak Melayu. Apabila Malaysia ditubuhkan secara rasmi, barangkali perlembagaan tersebut akan jadi bermasalah untuk warga Sabah dan Sarawak kerana sifat perlembagaan hipotetikal ini yang ringkas dan Malaya-sentrik. Mungkin Sabah dan Sarawak akan memiliki perlembagaan sendiri kerana tindakan meminda perlembagaan hipotetikal ini akan menjadi sensitif untuk penduduk majoriti Melayu dan ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara konfederasi yang longgar merangkumi Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Secara rangkumannya, kami menceritakan perbezaan sejarah pembentukan perlembagaan di Malaysia dan Indonesia dan kami berhujah bahawa pembentukan perlembagaan di Malaysia lebih baik daripada Indonesia kerana komposisi anggota Suruhanjaya Reid yang merupakan ahli perundangan yang berpengalaman daripada Komanwel serta proses yang lebih lama dan terperinci itu mencipta Perlembagaan Persekutuan menjadi sebuah dokumen perundangan yang komprehensif dan utuh sehingga hari ini berbanding situasi di Indonesia di mana BPUPKI hanya dianggotai wakil-wakil tempatan dan dilakukan dalam keadaan yang tergesa-gesa dalam suasana revolusioner yang mengakibatkan UUD-1945 menjadi dokumen yang pendek dan perlu ditambahbaik dan dipinda dalam kadar yang, jika dibandingkan dengan Malaysia, lebih tinggi agar dapat menampung keperluan semasa selari dengan rasional kami iaitu hasil yang boleh dilihat sehingga hari ini. Pernyataan kumpulan kami di sini selari dengan rasional kami iaitu bagaimana proses pembinaan negara itu dilakukan di mana kita boleh lihat proses pembentukan perlembagaan di Malaysia lebih profesional dan teratur berbanding di Indonesia.

### **3. Pengakuan pada Kemerdekaan**

Sesebuah wilayah itu hanya akan dianggap sebuah negara jika diperakui oleh negara-negara lain. Perkara ini selari dengan Konvensyen Montevideo 1933 di mana kriteria yang melayakkan sesebuah negara mengisytiharkan dirinya sebagai negara berdaulat adalah mempunyai populasi atau penduduk tetap, kawasan pentadbiran yang didefinisikan, kerajaan, dan keupayaan membuat perjanjian dengan negara lain (Yunus, M., 2019). Walau bagaimanapun, terdapat satu elemen deklaratif berdasarkan unsur-unsur sebuah negara menurut Konvensyen Montevideo, iaitu adanya pengiktirafan dari negara lain. Kewujudan pengiktirafan dari negara lain adalah bukti yang sah tentang kehadiran atau pembentukan sebuah negara dan hak untuk mengelakkan ancaman dan campur tangan dari negara lain. Menariknya, selepas perisytiharan kemerdekaan bagi Malaysia dan Indonesia, kedua-dua negara tersebut mendapat reaksi yang berbeza selepas perisytiharan tersebut. Bahagian ini akan menjelaskan perbezaan tersebut dan menerangkan mengapa ia penting dalam proses pembinaan negara.

Perisytiharan kemerdekaan Malaysia boleh dianggap bermula pada tarikh 31 Ogos 1957 apabila Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan kemerdekaannya. Peristiwa ini merupakan hasil daripada misi rombongan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman selepas beberapa siri rundingan menuntut kemerdekaan di London dan pihak British akhirnya bersetuju untuk kurniakan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Namun, negara Malaysia secara rasmi diisytiharkan pada 16 September 1963 dan perisytiharan ini menerima pelbagai reaksi. Pihak British memperakui kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan perisytiharan Malaysia dan negara-negara dunia lain juga rata-ratanya menyambut baik perisytiharan tersebut.

Perisytiharan kemerdekaan Indonesia pula dianggap bermula pada tarikh 17 Ogos 1945 apabila Presiden Sukarno dan timbalannya, Mohammad Hatta, memproklamasikan kemerdekaan Republik Indonesia pada tarikh tersebut selepas pihak Jepun menyerah kalah pada Kuasa Bersekutu. Namun begitu, pengisytiharan kemerdekaan Indonesia ini sebenarnya boleh dianggap berbentuk unilateral dan pihak Belanda tidak memperakui kemerdekaan Indonesia. Republik Indonesia pada waktu itu belum menjadi negara yang sah kerana hanya membuat pengakuan secara *de Facto*. Selain menyatakan kemerdekaan untuk diperakui sebagai negara, negara itu harus memiliki pengakuan dari negara lain atau disebut sebagai *de Jure* (Nugroho, W., 2020). Hal ini bertambah buruk apabila Belanda yang telah menguasai wilayah Indonesia

sejak abad ke-16 tidak mahu mengakui kemerdekaan yang dimiliki orang Indonesia pada ketika itu. Indonesia dianggap telah menyatakan kemerdekaan tanpa dasar yang jelas. Hal ini mencetuskan perang revolusi dan perebutan wilayah. Siri peperangan revolusi ini tamat apabila pada 27 Disember 1949, Indonesia secara rasminya mendapat pengakuan pengisytiharan kedaulatan daripada Belanda. Proses pengakuan yang cukup lama iaitu selama empat tahun setelah pengisytiharan kemerdekaan Republik Indonesia. Penyerahan kedaulatan Indonesia pada 27 Disember 1949 juga menjadi tonggak kelahiran Republik Indonesia Serikat (RIS) seperti yang dinyatakan dalam hasil kesepakatan Konferensi Meja Bundar (KMB) yang diperakui Belanda dan dunia. Perkara ini juga menjadi babak baru bagi sistem pemerintahan dan kepimpinan di Indonesia menjadi negara federal, menggunakan nama baharu yakni Republik Indonesia Serikat (RIS). Pada masa ini Indonesia terbahagi kepada beberapa negeri. Walau bagaimanapun, RIS tidak dapat bertahan lama kerana mendapat tentangan daripada sebahagian besar rakyat Indonesia yang menganggap kewujudan negara federal tersebut adalah satu ancaman dan muslihat Belanda serta tidak sesuai dengan keperibadian bangsa Indonesia dan cita-cita proklamasi kemerdekaan Indonesia pada tanggal 17 Ogos 1945. Dengan Keputusan Presiden RIS, beberapa negeri akhirnya dibubarkan dan digabungkan menjadi sebuah negara persekutuan. Akhirnya, pada 19 Mei 1950, Hatta dan Perdana Menteri Republik Indonesia bersepakat untuk membubarkan Republik Indonesia Serikat dan membentuk sebuah negara persekutuan baharu iaitu Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) (Sujadmiko, B. 2012).

Perbezaan yang paling ketara apabila dibandingkan adalah **reaksi penjajah terhadap kemerdekaan yang diisytiharkan**. Bagi negara Malaysia, proses mendapatkan pengakuan adalah tidak bermasalah sama sekali kerana kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan perisytiharan Malaysia itu sendiri telah dipersetujui oleh British dari awal lagi. Selepas perisytiharan Malaysia, United Kingdom dan kebanyakan negara lain sudah mengakui kemerdekaan Malaysia dan Malaysia dapat berfungsi sebagai negara dengan lancar. Berbanding di Indonesia, pengakuan kemerdekaan yang tertangguh kerana tidak diperakui Belanda. Selepas perisytiharan unilateral itu, Indonesia terpaksa bertempur dengan pihak Belanda dalam siri-siri perang revolusi yang mengakibatkan institusi-institusi negara seperti UUD-1945 dan parlimen tidak dapat berfungsi sepenuhnya (Awlia, 2020). Implikasi yang dapat disaksikan adalah Malaysia memiliki pengalaman dengan institusi-institusi negaranya seperti badan legislatif dengan lebih lama manakala Indonesia tidak dapat menggunakan institusi-institusi negara sepenuhnya kerana peperangan dengan Belanda yang akhirnya

menyebabkan institusi-institusi di Indonesia seperti Undang-undang Dasar perlu disemak dan diperbaharui beberapa perincian sehingga hari ini.

Perbezaan kedua yang dapat dilihat dalam aspek pengakuan kemerdekaan ini adalah **syarat yang dikenakan untuk diperakui kemerdekaan negara oleh penjajah**. Malaysia boleh dikatakan tidak mengalami masalah ini kerana hakikat fundamental bahawa memang pihak British sendiri sudah bersedia mengakui kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara selepas siri-siri rundingan dan perbincangan antara wakil-wakil tempatan dengan kerajaan British. Indonesia mengalami masalah ini dalam proses pembentukan negaranya apabila dikenakan syarat untuk menjadi sebuah negara federal RIS yang merangkumi bahagian-bahagian Indonesia yang dipecahkan menjadi negara-negara boneka Belanda dalam RIS itu sendiri selepas persetujuan di Konferensi Meja Bundar pada 27 Disember 1949. Idea negara federal muncul dari cita-cita politik Belanda yang kelihatan takut bahawa negara mereka tidak akan lagi mempunyai peranan di Asia. Perkara ini telah **menyebabkan keadaan konfigurasi politik yang berbeza**. Konfigurasi politik Malaysia itu lebih statik dan stabil seiring kerana dapat bereksperimentasi dan mengembangkan institusi-institusi politiknya manakala konfigurasi politik Indonesia itu pula boleh dikatakan dalam sebuah proses dialektik dan penambahbaikan yang tidak terhenti hasil daripada pengalaman menjadi negara federal sebentar dan kemudian beralih menjadi negara kesatuan kembali dengan Undang-undang Dasar Sementara 1950 dan akhirnya, Undang-undang Dasar 1945 yang digunakan hingga hari ini.

Timbul satu persoalan yang menarik iaitu apakah akan terjadi **sekiranya perisytiharan kemerdekaan Malaysia menerima reaksi yang negatif dan Malaysia dikenakan syarat penuh muslihat oleh penjajah jika ingin diperakui oleh penjajah?** Untuk membayangkan situasi tersebut, kita boleh bayangkan bahawa kemerdekaan Tanah Melayu juga bersifat unilateral dan tidak diiktiraf oleh British. Terdapat kebarangkalian bahawa konsep "Malaysia" itu sendiri tidak akan muncul kerana kedudukan Sabah dan Sarawak yang jauh dari Tanah Melayu dan terlalu asing pada masa itu. Pasti kemerdekaan **Tanah Melayu tidak diiktiraf oleh British** dan barangkali pihak tentera Tanah Melayu akan dimobilisasikan oleh pihak British untuk hentikan perisytiharan kemerdekaan tersebut kerana unit ketenteraan Tanah Melayu masih dipengaruhi kuasa British. Jika Malaysia terpaksa menerima syarat seperti idea Republik Indonesia Serikat untuk diperakui kemerdekaannya, barangkali kita akan melihat **pihak British akan jalankan inisiatif untuk melakukan pecah belah di Persekutuan Tanah Melayu** supaya kepentingan British di Asia Tenggara terus dipelihara. Boleh wujud

kebarangkalian bahawa Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan negeri Johor sendiri akan diberikan sesebuah "status istimewa dan tersendiri" yang membolehkan pemerintah-pemerintah untuk negeri-negeri tersebut beroperasi dengan cara sendiri dan tidak terikat dengan kerajaan pusat. Situasi ini akan akhirnya menjadikan negeri-negeri tersebut tidak lebih daripada sekadar negeri-negeri boneka British. Sebab kenapa Negeri-negeri Melayu Bersekutu berpotensi menjadi negeri-negeri boneka dalam situasi hipotetikal ini adalah kerana pengalaman negeri-negeri tersebut yang lama diselarikan oleh British dari aspek pentadbiran selepas sistem Residen (Ahmad Zaini & Samsudin, 2019) manakala Johor pula berpotensi menjadi satu lagi negeri boneka British kerana hubungan yang akrab antara Sultan Johor dengan pihak British seperti dalam peristiwa penandatanganan Malayan Union yang menunjukkan Sultan Johor rela hati menandatangani perjanjian itu (Mohd Rus, n.d.).

Secara rangkumannya, kami menceritakan mengapa situasi pengakuan kemerdekaan Malaysia lebih bagus daripada Indonesia melihatkan kepada reaksi pihak British yang mengakui kemerdekaan Malaysia berbanding reakis pihak Belanda yang tidak mengakui kemerdekaan Indonesia sehingga berlaku perang revolusi yang mengakibatkan institusi-institusi Indonesia tidak dapat digunakan sepenuhnya. Yang kedua ialah keadaan di mana Malaysia tidak perlu menerima apa-apa syarat yang ada agenda tersembunyi oleh British berbanding dengan nasib Indonesia yang terpaksa menerima syarat penubuhan negara federal Republik Indonesia Serikat yang merupakan rancangan Belanda untuk kekalkan pengaruhnya di Asia Tenggara seterusnya mengakibatkan hala tuju konfigurasi politik Indonesia beragam dalam dialektik. Pernyataan kumpulan kami selari dengan rasional kami yang berbunyi situasi sekeliling yang mempengaruhi proses pembinaan negara di mana Malaysia jelas bernasib lebih baik berbanding Indonesia dalam hal ini.

#### **4. Usaha Perluasan Wilayah Moden**

Seperti sedia ketahui, pada hari ini, Malaysia dan Indonesia adalah dua negara yang berdaulat, berbeza dan memiliki garis sempadan moden yang diperakui komuniti antarabangsa. Namun begitu, sejarah yang dilalui antara dua negara ini untuk memasukkan wilayah-wilayah baharu bagi mewujudkan sempadannya, jelas memiliki kedinamikan yang sama, yakni menerusi tinjauan pendapat, tetapi dengan laluan yang sangat berbeza. Bahagian ini akan membahaskan sejarah perbezaan tersebut dan implikasinya pada hari ini.

Idea pembentukan persekutuan Malaysia muncul pada era Perang Dingin di mana British mengharapkan sebuah negara pro-Barat dan anti-komunis yang kuat di Asia Tenggara (Selamat, 2016). Secara umumnya, pembentukan Malaysia bertujuan untuk mewujudkan kestabilan politik serantau daripada diancam oleh pengaruh komunis yang semakin ketara pada masa itu. (Balasubramaniam, 1997). Pada tahun 1960-an, British telah berjanji untuk memberi kemerdekaan kepada negeri-negeri bawah jajahannya kecuali Sabah dan Sarawak disebabkan keadaan politik dan ekonomi Sabah dan Sarawak yang masih belum stabil. Walau bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan bahawa pembentukan Malaysia bukan hanya tertumpu kepada menggabungkan Tanah Melayu dan Singapura tetapi juga untuk menjaga kepentingan dan membela hak kaum Bumiputera yang melibatkan penduduk di kepulauan Borneo; Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1962, Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk untuk meninjau pandangan penduduk Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak berkaitan gagasan Malaysia dan majoriti penduduk Sabah dan Sarawak bersetuju atas penglibatan negeri mereka dalam pembentukan Malaysia. Upacara pengisytiharan Malaysia telah diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur pada tanggal 16 September 1963 (Balasubramaniam, 1997).

Bagi Indonesia, sepanjang 350 tahun berada dibawah kuasa Belanda, penduduk Hindia Timur Belanda atau Indonesia tidak diberi peluang yang sama seperti penduduk Tanah Melayu. Malah, kemerdekaan Indonesia diperoleh melalui peperangan dan pertumpahan darah. Pada tahun 1941, Sumatera menerima bantuan faksi senjata daripada Jepun dan berjaya mengalahkan Belanda dan pada tanggal 9 Ogos 1945, Jepun menyerah kalah apabila bom atom dijatuhkan di Nagasaki lalu Sukarno mengambil peluang ini untuk mengisytiharkan kemerdekaan. Pada tanggal 17 Ogos 1945, Indonesia akhirnya diisytiharkan merdeka oleh Sukarno yang melihat seluruh wilayah Hindia Belanda, termasuk wilayah barat Pulau Papua (Irian Jaya Barat atau Irian Barat) sebahagian daripada Indonesia. Walau bagaimanapun, Indonesia dan Belanda tidak mencapai kata sepakat berkaitan status Irian Barat apabila kedua negara berasa mereka mempunyai hak keatas wilayah tersebut (Korwa, 2013). Indonesia akhirnya melancarkan Operasi Trikora (Tri Komando Rakyat) untuk membebaskan Irian Barat

dari Belanda tetapi atas desakan Amerika Syarikat, wakil delegasi Indonesia dan Belanda diminta menggunakan diplomasi dan menandatangani Perjanjian New York. Menurut perjanjian tersebut, Belanda perlu melepaskan haknya keatas Irian Barat dan Indonesia pula perlu melakukan Penentuan Pendapat Rakyat (PEPERA) atau Act of Free Choice keatas penduduk Irian Barat. Referendum ini telah diadakan antara 14 Julai and 2 Ogos 1969 dan melibat 1,025 penduduk yang dipilih oleh Tentera Nasional Indonesia yang dipaksa bersetuju dengan penggabungan Irian Barat-Indonesia. (Bohane, 2019) (Drooglever, 2009) Hasil daripada referendum yang berkontroversi tersebut, golongan aktivis kemerdekaan Irian Barat menuntut pengundian semua yang lebih adil dijalankan dan melibatkan setiap seorang Penduduk Papua.

Melihat laluan sejarah yang sangat berbeza antara dua negara ini, kita dapat lihat satu perbezaan ketara antara Malaysia dan Indonesia dari segi peluasan wilayah adalah **penggunaan kekerasan dalam proses tersebut**. Di Malaysia, kekuasaan ketenteraan tidak digerakkan untuk masukkan Sabah dan Sarawak ke dalam federasi tersebut dan proses tinjauan pendapat oleh Suruhanjaya Cobbold itu boleh dilihat satu proses tinjauan yang demokratik dan adil untuk masyarakat Sabah dan Sarawak menyatakan pendapat mereka untuk menyertai Malaysia atau tidak. Di Indonesia pula, kekuatan militer memang digerakkan dalam usaha memasukkan Papua ke dalam Indonesia melalui Operasi Trikora. Perbezaan antara kesan Suruhanjaya Cobbold keatas Sabah dan Sarawak dan Act of Free Choice keatas Irian Barat dapat dilihat pada hari ini. Melalui Suruhanjaya Cobbold, penduduk Sabah dan Sarawak bebas daripada cengkaman banyak pihak seperti British, tuntutan Kesultanan Sulu, dan pengaruh komunis. Kesan yang dapat disaksikan daripada penggunaan kekerasan ini adalah **kemunculan kelompok pemisah bersenjata**. Masalah ini jelas berlangsung di Indonesia menerusi kumpulan pemisah bersenjata di Papua Barat yang digelar Organisasi Papua Merdeka (OPM). Pada tanggal 1 Julai 1971, Organisasi Papua Merdeka (OPM) menuntut kemerdekaan bagi Republik Papua Barat tetapi tidak berjaya malah menyebabkan penduduk Papua Barat (Irian Barat) berterusan menghadapi konflik dengan Indonesia yang masih menuntut haknya keatas wilayah tersebut sehingga ke hari ini. Pada tahun 2016, Benny Wenda, ketua OPM berkata bahawa 500,000 rakyat Papua terkorban sepanjang 50 tahun dibawah tuntutan Indonesia dan komuniti mereka akan terus berkurangan sekiranya PBB tidak menghantar pasukan pendamai di Papua Barat dengan segera (Bohane, 2019). Meskipun begitu, Indonesia terus bertegas akan kedaulatannya keatas Papua Barat dan mengharap tuntutan tersebut dihormati oleh negara lain. Menurut laman (Reporter, G.S., 2021), penduduk Papua Barat terus diancam kekerasan sehingga terpaksa bersembunyi di hutan untuk menyelamatkan diri daripada



ratusan tentera Indonesia yang ditempatkan di wilayah tersebut bermula April 2021 dengan tujuan menghapuskan pasukan separatis bersenjata Papua yang dianggap teroris.

Lantas, terdapat persoalan yang boleh diutarakan iaitu apakah yang akan terjadi **sekiranya kekerasan digunakan dalam usaha memasukkan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia?** Untuk membayangkan situasi hipotetikal ini, kita harus bayangkan bahawa blok Barat dan kepimpinan Persekutuan Tanah Melayu terlalu terdesak untuk halang ancaman komunisme di Asia Tenggara dalam Perang Dingin yang akhirnya menyebabkan kekuatan ketenteraan Tanah Melayu digerakkan untuk masukkan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia seperti Operasi Trikora dan seterusnya mengadakan tinjauan pendapat yang tidak adil seperti Act of Free Choice Papua. Dengan menimbang keadaan Sabah dan Sarawak serta apa yang sedang berlaku di Papua hari ini, kami berpandangan bahawa **akan muncul kumpulan-kumpulan pemisah di Sabah dan Sarawak yang melakukan kegiatan terorisme bersenjata seperti OPM di Papua Barat.** Sebagai contoh, apabila membaca sejarah, kita akan tahu bahawa Sabah dan Sarawak pernah ada kumpulan-kumpulan militan seperti Parti Komunis Kalimantan Utara (NKCP) atau Clandestine Communist Organisation (CCO) yang berpusat di Sarawak yang pernah terlibat dalam pemberontakan komunis bersenjata. Sekiranya Sabah dan Sarawak dipaksa masuk Malaysia, maka perjuangan kumpulan-kumpulan komunis ini akan menjadi lebih radikal dan akan memperoleh keabsahan di mata rakyat sebagai "pembebas bangsa daripada imperialisme Barat". Natiujahnya, Malaysia akan mengalami situasi yang mirip seperti di Selatan Thailand dan Indonesia yang berhadapan dengan kumpulan pemberontak yang bersenjata lantas, mengakibatkan Malaysia terus berhadapan dengan konflik dalaman yang merugikan.

Secara rangkumannya, kami menceritakan mengapa usaha perluasan wilayah bagi membentuk garis sempadan yang wujud pada hari ini di Malaysia lebih bagus daripada di Indonesia kerana ketiadaan penggunaan kekerasan untuk Sabah dan Sarawak di Malaysia yang berbeza dengan kekerasan yang wujud untuk Papua Barat di Indonesia. Kekerasan yang digunakan inilah yang mengakibatkan wujudnya kumpulan pemisah yang bersenjata seperti OPM seperti yang kami ceritakan seterusnya bagaimana pendirian kami selari dengan rasional kami tentang hasil yang boleh dilihat pada hari ini yakni hasil keadaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia yang stabil berbanding hasil keadaan Papua Barat yang tercemar dengan keganasan hasil kekerasan yang digunakan.

## 5. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, amat jelas lagi nyata bahawa proses pembinaan negara Malaysia itu lebih bagus daripada proses pembinaan negara Indonesia itu dengan "proses pembinaan negara" merangkumi tiga aspek iaitu pembentukan perlembagaan, pengakuan pada kemerdekaan dan juga usaha perluasan wilayah. Kami telah melampirkan penceritaan, perbandingan, analisis dan kaitkan pendirian kami dengan rasional-rasional yang kami nyatakan pada bahagian awal kertas ini.

Jika melihat dalam gambaran besar, maka kita akan dapati bahawa proses pembinaan negara Malaysia itu dilakukan secara lebih teratur dan aman kerana suasana kondusif untuk proses pembinaan negara dan juga persetujuan untuk kemerdekaan oleh pihak British sendiri dan perkara ini amat berbeza dengan nasib negara Indonesia yang melakukan proses kemerdekaan dalam keadaan tergesa-gesa dalam keadaan revolusioner dan represif oleh penjajah Belanda. Kesan yang boleh dilihat adalah keadaan Perlembagaan Persekutuan yang menyeluruh, konfigurasi politik Malaysia yang statik dan juga keadaan penyertaan Sabah dan Sarawak yang aman berbeza dengan keadaan Indonesia yang memperlihatkan keadaan UUD-1945 yang perlu terus diteliti, pengalaman konfigurasi politik Indonesia yang beragam seperti era Demokrasi Liberal dan Demokrasi Terpimpin serta kewujudan kumpulan pemberontak bersenjata dan terorisme di Papua Barat selepas Operasi Trikora.

Kami berpendapat, dan kami telah lampirkan fakta dan hujah untuk menyokong pendirian kami, bahawa keadaan yang profesional, aman dan demokratik inilah penyumbang kepada kestabilan dan keteraturan dalam proses pembinaan negara dan amat jelas bahawa Malaysia bernasib lebih baik daripada Indonesia kerana memiliki keadaan tersebut sepanjang proses pembinaan negaranya dan lantas, memiliki keadaan negara-bangsa yang lebih stabil berbanding Indonesia.

(5248 patah perkataan)

## RUJUKAN

- Ab Ghani, R. H., & Paidi, Z. (2020). The role of the United States and the “Asian solution” approach in the Malaysia-Indonesia confrontation (1963-1966). *Journal of International Studies*, 9, 129-144. <https://doi.org/10.32890/jis.9.2013.7940>
- Adam, R., Yacob, S.P., Samuri, A.H., Fadzil, M. (2010). Sejarah Tingkatan 5. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Zaini, A.J. & Samsudin, M. (2019). PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN PERSEKUTUAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (9). Dicapai daripada <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/36295/10024>
- Awlia, T. (2020, January 8). Undang-Undang Dasar 1945 RI: Sejarah hingga Periode Perubahan. Detiknews. Dicapai daripada <https://news.detik.com/berita/d-4851156/undang-undang-dasar-1945-ri-sejarah-hingga-periode-perubahan>
- Aziz Bari, A. (2016). Perlembagaan Malaysia Suatu Pengenalan. ILHAMBooks.
- Balasubramaniam, V. (1997). Nasionalisme dalam Pembentukan Sebuah Negara Persekutuan: Wacana Teoretikal Berdasarkan Pengalaman Malaysia. *Akademika* 51, 23-51. Dipetik daripada <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/3061>
- Bohane, B. (2019, January 18). *THE BATTLE FOR WEST PAPUA* | *Journal of Political Risk*. *Journal of Political Risk*. Dicapai daripada <https://www.jpolorisk.com/the-battle-for-west-papua/>
- Cammack, M. (2006). Changing Indonesia’s Constitution: A review Essay. *Indonesia*, (81), 151-163. Dicapai daripada <http://www.jstor.org/stable/40376385>
- Drooglever, P. (1997). The genesis of the Indonesian constitution of 1949. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde / Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, 153(1), 65–84. <https://doi.org/10.1163/22134379-90003945>
- Drooglever, P. (2009). *An Act of Free Choice: Decolonization and the Right to Self-Determination in West Papua*. NY: Oneworld Publications.
- Fahmi, M., & A. (2013, March 10). *Perjanjian inggeris belanda 1824*. Perjanjian Inggeris Belanda 1824. Dicapai daripada [https://www.slideshare.net/pa\\_mie/perjanjian-inggeris-belanda-1824](https://www.slideshare.net/pa_mie/perjanjian-inggeris-belanda-1824)
- Faizal, A. (2019, July 31). *Konsep Sempadan Negeri-Negeri Melayu Sebelum Kedatangan British*. *The Patriots*. Dicapai daripada <https://www.thepatriots.asia/konsep-sempadan-negeri-negeri-melayu-sebelum-kedatangan-british/>

- Gischa, S. (2020, September 17). *Konstitusi yang Pernah Ada di Indonesia Halaman all - Kompas.com*. KOMPAS.Com. Dicapai daripada <https://www.kompas.com/skola/read/2020/09/17/170000369/konstitusi-yang-pernah-ada-di-indonesia?page=all>
- Hamzah, M. (2001). *KONSEP SEMPADAN NEGERI DALAM MASYARAKAT* | *Semantic Scholar*. Semantic Scholar. Dicapai daripada <https://www.semanticscholar.org/paper/KONSEP-SEMPADAN-NEGERI-DALAM-MASYARAKAT-Hamzah-Noor/1bed04b21b60ea52950f1d1c1f4f89c8f296b701#citing-papers>
- Hj Ab Ghani, R., & Paidi, Z. (2020b). The Role of the United States and The “Asian Solution” Approach in the Malaysia-Indonesia Confrontation (1963–1966). *Journal of International Studies*. Published. <https://doi.org/10.32890/jis.9.2013.7940>
- Johnson, C. (2016). *Indonesia: Constitutional Amendment to Be Considered* | *Global Legal Monitor*. Global Legal Monitor. Dicapai daripada <https://www.loc.gov/law/foreign-news/article/indonesia-constitutional-amendment-to-be-considered/>
- Korwa, R. (2013, May 1). *PROSES INTEGRASI IRIAN BARAT KE DALAM NKRI* | *Korwa | JURNAL POLITICO*. Jurnal Politico. Dicapai daripada <https://ejournal.unsrat.ac.id/index.php/politico/article/view/1567>
- López C., Carolina (2001) The British presence in the Malay world: a meeting of civilizational traditions. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 19. Dicapai daripada <http://journalarticle.ukm.my/1210/>
- Mohd Rus, A.K.A. (n.d.). *Malayan Union dan Persekutuan 1948*. Eprints UM. Dicapai daripada [http://eprints.um.edu.my/17835/1/DR\\_AHMAD\\_KAMAL.pdf](http://eprints.um.edu.my/17835/1/DR_AHMAD_KAMAL.pdf)
- Nugroho, W. A. (2020). Perkembangan Status Unilateral Declaration of Independence dalam Hukum Internasional. *Jurist-Diction*, 3(1), 347. <https://doi.org/10.20473/jd.v3i1.17640>
- Putri, A. S. (2020, March 12). *Kembali ke Negara Kesatuan Halaman all - Kompas.com*. KOMPAS.Com. Dicapai daripada <https://www.kompas.com/skola/read/2020/03/12/173000869/kembali-ke-negara-kesatuan?page=all>
- Prinada, Y., Raditya, I. N., & Prinada, Y. (2021, March 11). *Tokoh-tokoh Perumus UUD 1945, Sejarah BPUPKI, dan Perannya*. tirtoid. <https://tirtoid.id/tokoh-tokoh-perumus-uud-1945-sejarah-bpupki-dan-perannya-galw>
- Reporter, G. S. (2021). *‘We are living in a war zone’: violence flares in West Papua as villagers forced to flee*. The Guardian. Dicapai daripada <https://www.theguardian.com/world/2021/may/11/we-are-living-in-a-war-zone-violence-flares-in-west-papua-as-villagers-forced-to-flee>
- Saifudin, S. (2003). Lahirnya UUD 1945: Suatu Tinjauan Historis Penyusunan dan Penetapan UUD 1945. *Unisia*, 26(49), 296–315. <https://doi.org/10.20885/unisia.vol26.iss49.art8>

- Selamat, A. (2016). Sabah Dalam Proses Pembentukan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 19. Dicapai daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/508>
- Sujadmiko, B. (2012). Pengakuan Negara Baru Ditinjau Dari Perspektif Hukum Internasional (Studi terhadap kemerdekaan Kosovo). *Fiat Justisia: Jurnal Ilmu Hukum*, 6(1).
- Suruhanjaya Reid. (1957). Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957 (Colonial No. 330). London Her Majesty's Stationery Office.
- The Editors of Encyclopaedia Britannica. (2019, August 13). *self-determination* | *Definition, History, & Facts*. Encyclopedia Britannica. Dicapai daripada <https://www.britannica.com/topic/self-determination>
- Welianto, A. (2020, March 4). *Sejarah Perumusan UUD 1945 Halaman all - Kompas.com*. KOMPAS.Com. Dicapai daripada <https://www.kompas.com/skola/read/2020/03/04/140000169/sejarah-perumusan-uud-1945?page=all>
- Yunus, M. M. (2019). *Konsep Sosiologi Kenegaraan: Siri Ilmiah APM-ITBM*. Malaysian Institute of Translation & Books.